

Perisian pembelajaran jarak jauh sedang dibangun

UM - 7 SEP 2001

CYBERJAYA 6 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perisian baru bagi pembelajaran jarak jauh yang akan mengubah sistem pengajaran di sekolah-sekolah seluruh negara sedang dibangunkan di projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Menurut Perdana Menteri, Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi MSC yang bermesyuarat hari ini telah membincangkan mengenai sistem itu secara mendalam.

“Sistem pembelajaran jarak jauh itu nanti, tidak sahaja akan memberi manfaat kepada murid-murid (sekolah) bahkan guru-guru juga akan dapat mempertingkatkan kemahiran mereka.

“Ini kerana, pembangunan perisian terlibat tidak terhad kepada bahasa Inggeris sahaja malah meliputi mata pelajaran lain termasuk Matematik. Kita akan menggunakan teknik pengajaran yang paling baik,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas selesai mesyuarat hari pertama IAP kali kelima di sini.

Bulan lepas, Perdana Menteri mengumumkan langkah kerajaan untuk memperkenalkan sistem pembe-

lajaran baru bagi mengelakkan penyelewengan dalam pengajaran di sekolah.

Berdasarkan sistem itu, kata Perdana Menteri, guru akan bertindak sebagai fasilitator mengajar kurikulum yang telah ditentukan dan akan dipancarkan melalui penggunaan Internet terhad ke sekolah-sekolah.

Penggunaan

Mengulas lanjut mengenai sistem itu, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad yang ditemui selepas itu berkata, pihaknya sedang meneliti penggunaan rangkaian komunikasi jalur lebar untuk membolehkan pelaksanaan kaedah pembelajaran jarak jauh di sekolah.

“Kita sedang mengambil inisiatif untuk mengadakan pengajaran jarak jauh dengan menggunakan komputer.

“Dengan cara itu kita akan dapat menggunakan guru-guru pakar dari beberapa tempat untuk pengajaran mereka dipancarkan ke sekolah-sekolah yang tidak ada guru pakar,” katanya.

Selain itu, menurut beliau, pihaknya juga sedang mengkaji kemungkinan menggunakan perisian yang telah dibangunkan oleh Konsortium

Telekom Smart School dan pengusaha swasta tempatan yang dirasakan boleh membantu meningkatkan cara pengajaran secara teratur.

Beliau sendiri akan menilai keupayaan beberapa syarikat tempatan yang berminat menyertai inisiatif itu berdasarkan persembahan mereka semasa Ekspo MSC-Multimedia Asia 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), esok.

Ekspo tersebut dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri.

Ditanya bilakah sistem pembelajaran baru itu akan dilaksanakan, Musa berkata, semuanya bergantung berapa cepat infrastruktur berkaitan dapat dibangunkan kerana ia melibatkan sekolah-sekolah seluruh negara.

Pada masa ini, katanya, kerajaan sedang berusaha mengurangkan jurang digital yang ada dengan melaksanakan rancangan melengkapkan semua sekolah dengan komputer menjelang tahun 2005.

Buat masa ini, menurut beliau, 2,400 sekolah telah dilengkapi dengan komputer dan 800 sekolah lagi dijadual menerima kemudahan itu tidak lama lagi.